

Anwar dedah surat EXCO Kelantan, Terengganu mohon lulus projek

PM bidas sikap pembangkang dianggap hipokrit, tidak konsisten

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mendedahkan kewujudan dua surat berasingan daripada ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Terengganu dan Kelantan memohon kelulusan bagi projek tertentu.

Membidas sikap pembangkang yang disifatkan hipokrit kerana mendiamkan perkara itu, Perdana Menteri berkata, kedua-dua surat berkenaan dengan jelas meminta kelulusan rasmi, berbeza dengan surat daripada bekas Setiausaha Politik Kanan beliau, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin yang memohon pertimbangan.

Beliau berkata, surat dari Terengganu itu ditandatangani Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, namun surat dari EXCO Kelantan pula tidak didedahkan.

“Memang saya nyatakan bahawa saya tidak setuju bentuk surat sokongan. Cuma kita harus bezakan. Surat sokongan ini iaitu kes termasuk pegawai di pejabat

saya. Jadi, wajar diberi teguran. Tapi adakah harus dipecat kerana surat menyebut ‘sila pertimbangkan’? Bukan pasti meluluskan.

“Ini berbeza dengan surat umpamanya, yang menyebut, ‘saya memohon Datuk Seri mempertimbang kelulusan ke atas perolehan secara rundingan terus.’ Ini tidak boleh. Menyalahi peraturan.

“Ada satu lagi surat, (berbunyi antaranya) ‘pihak kami ingin mencadangkan syarikat sekian sebagai syarikat yang menguruskan projek berkenaan, bersama ini lampiran profil syarikat untuk rujukan dan kelulusan’. Yang kedua ini, satu dari Kelantan, satu dari Terengganu,” katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri, di Dewan Ra-

kyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) yang meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan melaksanakan audit dalaman terhadap pegawai menteri dengan lebih tegas.

Surat menyokong, minta kelulusan tidak dibenarkan

Pada masa sama, Perdana Menteri menegaskan surat menyokong atau meminta supaya syarikat diberikan kelulusan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Menjawab soalan tambahan Mas Ermieyati sama ada beliau kesusah tidak memecat Shamsul Iskandar lebih awal seperti disarankan Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Rafizi Ramli, Anwar

berkata, pihaknya tidak boleh memecat pegawai hanya kerana mereka menulis surat untuk minta dipertimbangkan.

Beliau berkata, pegawai yang mengeluarkan surat sokongan bagi memohon pertimbangan perlu diberikan teguran, namun tidak sehingga dikenakan tindakan pemecatan.

“Surat orang hantar, kita kena panjangkan, takkan kita hendak simpan. Dipanjangkan, diminta teliti. Tapi yang tidak boleh ialah minta lulus. Ini yang dibuat oleh (EXCO) kerajaan Kelantan dan Terengganu.

“Sebab itu saya sebut (berkaitan dua surat) sekadar nak tunjuk bahawa pembangkang tidak konsisten. Satu kes minta lulus, tiada isu. Satu kes minta pertimbangan, isu besar,” katanya.